

Transformasi Amalan Perubatan Tradisional Melayu Perspektif Rukyah

Nurdeng Deuraseh

Abstract:: Primitive societies have traditionally subscribed to the belief of animism and dynamism to the power and strength of spirit and soul manifested in humans, animals, plants, things with good or bad effects on humans. Often, these groups believe in the existence of supernatural beings that can disrupt and frighten them. Malay society before Islam came as other primitive people believe that there is environmental influences in their lives. Subsequently, is led to the belief of the importance of the relationship between humans and nature in many aspects of life including health and wellness. This paper will discuss and identify the transformation of practice of rukyah (incantation) from animism and Hindu-Buddhist aesthetics based on the practice of ruqyah based on the Islamic world view of Tawhid (Oneness of God).

Keywords: Malay Traditional Medicine; Worldview; Ruqyah (Incantation)

Pendahuluan

Rukyah (jampi) atau disebut sebagai jampi dalam bahasa Melayu merupakan salah satu daripada jenis rawatan tradisional dengan menggunakan doa dan bacaan daripada ayat suci al-Quran dan hadis Nabi Muhammad (s.a.w). Konsep rukyah boleh difahami melalui hadis-hadis Nabi Muhammad berkaitan rukyah (jampi) yang telah dikumpulkan oleh Imam Bukhari dalam *Sahih al-Bukhari*, dalam beberapa bab.

Antaranya ialah: *Bab al-ruqa bi al-Quran wa al-mu'awwizat*; *Bab al-ruqa bi fatihat al-Kitab*; *Bab al-shurut fi al-ruqyah bi fatihah al-kitab*; *Bab ruqyah al-'ayn*; *Bab al-'ayn haqq*; *Bab ruqyah al-hayyah wa al-uqrab*; *Bab al-naftih fi al-ruqyah*; *Bab mash al-raqi al-waj' biyadihi al-ymna*; *Bab al-mar'ah tarqa al-rajl*; dan *Bab man lam yarqa*.

Penggunaan rukyah (jampi) di kalangan masyarakat Melayu-Islam bertujuan pencegahan dan rawatan penyakit serta sebagai pendinding diri daripada gangguan makhluk halus iaitu jin dan syaitan. Pengamal *rukyah* (jampi) dikenali dengan "*Raqi*". Amalan ini mempunyai sejarah tersendiri. Ia dimula dan dikembang apabila *worldview* perubatan tradisional Melayu berjaya ditransformasikan daripada animisme dan estetika Hindu-Buddha yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu Nusantara kepada pandangan alam Islam berteraskan Tauhid. Ia telah dilakukan oleh pelbagai cendekiawan dan cerdik pandai yang memiliki autoriti dalam bidangnya. Pembentukan *worldview* perubatan tradisional Melayu-Islam berlaku selaras dengan konsep perubatan Islam dan perubatan nabi (*al-tibb al-nabawi*) yang tidak dibatasi hanya pada amalan, pengetahuan dan kajian Ilmuwan Islam era junjungan Nabi Muhammad s.a.w. dan al-Khulafa' al-Rashidun yang kemudiannya diteruskan oleh ilmuwan Islam zaman Umayyad dan Abbasid selepas penterjemahan khazanah perubatan Yunani ke bahasa Arab tetapi perubatan Islam dan perubatan nabi secara umum dan perubatan tradisional Melayu secara khusus difahami dan ditentukan berasaskan *ru'yat al-Islam li al-wujud* (*Islamic Worldview*). Ciri-ciri Islamisasi ini telah ditegaskan dalam penulisan berjudul *Islam and Secularism* oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Beliau berpendapat: "...the 'Islamization' of contemporary knowledge will entail the 'liberation of man first from magical, mythological, animistic, national-cultural tradition opposed to Islam, and then from secular control over his reason and his language'. Science becomes Islamic, not because it has been produced by Muslim scientists, but to the extent that it exhibits its liberation from secularism."¹ Sekiranya benar pandangan semesta Islam dapat difahami dan dihayati melalui konsep dan falsafah *ru'yat al-Islam li al-wujud* (*Islamic Worldview*) berbanding *ru'yat al-Islam*

li *al-Kawn*, maka amat tepat sekali merumuskan perubahan Islam dan perubatan nabi yang sebenar seperti berikut:

The Medicine of Prophet (al-Tibb al-Nabaw¹), in real sense, is relevance to modern society if we look its concept and practices in broad sense. We have to understand that Islamic Medicine or al-Tibb al-Nabawi does not only refer to what had been said and practiced in the time of Prophet but it reaches and includes as it does into every field of human medical research, activity and thought at all time. This implies that medicine of the Prophet, as other rational disciplines, is not static but it could grow and develop according to the time and circumstance, which needs experience and new knowledge so that it could develop. This means that modern society today is not obliged to follow the medical system which had been practiced in ancient period because of different circumstance surrounding a certain disease. Of course, if the diagnosis and all the circumstances surrounding a certain illness episode today are exactly like those at the time of the Prophet, then we have no hesitation in saying that what had been prescribed in al-Tibb al-Nabaw¹ should be used. However, in actual practice it is difficult to ascertain that the conditions are the same. Changes in disease pathology, the genetic pool of patients and medical plants, weather and climate conditions are among many variables that may make a particular remedy recommended by the Prophet not appropriate for a medical condition today despite the disease being called by the same name. We are afraid that using tibb nabawa that was appropriate in the past for a condition today that is different is like using the right drug for the wrong disease.²

Worldview / Pandangan Semesta

Menyedari perkara yang berada dalam fikiran merupakan sasaran asas kepada pembentukan pandangan semesta, maka Md Salleh Yasar, dalam penulisannya tentang pandangan semesta masyarakat Malaysia, menerangkan:

The term world view, first of all, recognizes the distinction between man and his surrounding and universe, and refers to the certain aspect of the relationship between the two. The aspects and issues focused on in this relationship is how

*man looks on his universe, that is, what does he think of himself, of his surrounding, and what pattern of relationship he sees between them. Thus, world-view, ultimately, concerns the set of ideas man has, firstly about the universe that confronts him. The universe comprises mainly of the human, that is, society, and the non-human which is made up of both natural and supernatural objects and beings.*³

Melihat dari sudut Islamisasi ilmu kontemporari, Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam mengislamisasikan fikiran umat Islam, menjelaskan bahawa pandangan semesta Islam merangkumi dunia dan akhirat yang mana aspek dunia merupakan persediaan bagi aspek akhirat. Selepas mengambil kira dua aspek kehidupan manusia ini, al-Attas cenderung mentakrifkan pandangan semesta sebagai pandangan tentang realiti atau hakikat yang terjelma dari mata hati manusia mengenai kewujudan seluruh alam. Pandangan ini dipadukan oleh semua komuniti dalam sesebuah masyarakat untuk dijadikan sebagai satu sistem utuh untuk dipraktikkan oleh ahli dalam masyarakat tersebut.⁴

Perubatan Tradisional Melayu Pra Agama Hindu-Buddha

Worldview masyarakat Melayu asal pra agama Hindu-Buddha seperti *worldview* masyarakat lain di dunia bercirikan animisme. Perkataan animisme berasal daripada perkataan bahasa Latin *anima*, yang mengandungi erti *jiwa*. Ia membawa pengertian kepercayaan terhadap adanya jiwa bagi tiap sesuatu yang mawjud. Alam semesta ini, yang digelar oleh setengah ahli falsafah sebagai tabiah, telah didiami oleh pelbagai jenis jiwa masing-masing mengikut martabatnya, dan segala jirim dan jisim masing-masing juga berjiwa.⁵

Implikasinya ialah setiap benda (objek) mempunyai perwatakan sendiri. Maka, tempat-tempat tertentu mempunyai penunggu atau penghuni dari makhluk luar biasa. Ini jelas apabila didapati upacara "menyembah pantai" atau "memberi makan hantu" menjadi sesuatu yang lazim diamalkan oleh masyarakat primitif bagi tujuan komunikasi dengan makhluk-makhluk luar biasa yang berkuasa atas satu-satu tempat.⁶ Seterusnya dapat memohon agar sesuatu yang tidak diingini seperti penyakit dan bencana alam boleh

dihindari. Selain daripada itu hasil daripada fahaman animisme, maka muncullah kepercayaan dinamisme iaitu kepercayaan kepada tenaga yang ada dalam roh, jiwa dan semangat dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda-benda yang boleh mendapat kesan baik dan buruk kepada manusia. Kepercayaan dinamisme ini melahirkan magis iaitu penguasaan terhadap kuasa atau tenaga ghaib. Oleh itu masyarakat pada zaman ini mempercayai wujudnya makhluk ghaib yang dapat mengganggu dan menakutkan mereka. Difahami melalui istilah sembahyang yang diambil daripada perkataan *hyang* yang seerti dengan *pyang* atau *moyang*, menunjukkan bahawa masyarakat Melayu berkepercayaan animisme dan dinamisme iaitu kepercayaan kepada roh nenek moyang. Roh nenek moyang ini dipercayai masih berada dalam kalangan masyarakat dan mempunyai tenaga yang kuat yang boleh mempengaruhi kehidupan masyarakat. Roh nenek moyang perlu ditenangkan melalui upacara pemujaan dan penyajian. Didapati juga, perkataan "Tuhan" yang berasal daripada perkataan "tuha-an" iaitu gandingan perkataan "tuha" yang bermaksud "tua" dan "yang tidak berpermulaan", membentuk konsep "Sang Hyang Tunggal" yang bermaksud "Tuhan yang Maha Esa" mempunyai ciri-ciri animisme dan dinamisme. Hasil daripada kepercayaan ini, maka lahirlah peraturan atau pantang larang tertentu dalam sesuatu masyarakat.⁷

Worldview Hindu-Buddha Dalam Perubatan Tradisional Melayu

Pengaruh Hindu dan Buddha dalam perubatan tradisional Melayu telah meninggalkan kesan begitu mendalam. Terdapat mantera mengatakan urutan bomoh di Alam Melayu itu adalah pertamanya daripada Siva, kedua daripada Nur Muhammad, ketiga dari Lukman al-Hakim dan keempat baru sampai kepada bomoh. Ini jelas bahawa, Hinduisme dan Buddhisme telah disebarkan secara meluas di Kepulauan Melayu terutama golongan atasan atau pemerintah untuk memperteguh kedudukan mereka, manakala masyarakat umum hanya menerima pengaruh itu untuk disesuaikan dengan kepercayaan warisan tetapi tidak sampai mengubah

pandangan hidup mereka. Hinduisme-Buddhisme sebenarnya mempunyai ciri-ciri animisme-dinamisme yang tersendiri.⁸

Oleh itu, masyarakat Melayu pada waktu itu merasakan kepercayaan Hinduisme-Buddhisme yang baru dibawa masuk amat serasi dan sekali-kali tidak berlawanan dengan kepercayaan yang sudah dianuti. Dengan datangnya agama Hindu-Buddha, upacara penyembahan keagamaan lebih tersusun dan berbentuk rasmi. Walaupun, tidak seluruh pengaruh Hindu-Buddha berjaya mempengaruhi orang Melayu tetapi pengaruhnya amat mendalam dalam kalangan masyarakat berkedudukan tinggi. Pada ketika ini institusi perbomohan adalah satu institusi yang mendapat tempat dalam masyarakat sehinggakan di istana juga mempunyai bomoh diraja. Perkara-perkara yang membesarkan dewa-dewa supaya dapat dikaitkan dengan kedudukan dan status raja sebagai penjelmaan dewa-dewa, amat dirasai sehingga sekarang. Melalui konsep ini, kedudukan raja-raja dari aspek spiritual dan peranan fizikal diperkukuhkan melalui upacara keagamaan untuk menjadikan raja-raja sebagai peribadi yang luhur, suci dan kudus. Di samping itu, upacara keagamaan diraja juga dilakukan dalam tujuan pentadbiran dan menjaga jajaan serta rakyat mereka.⁹

Sesuai dengan kepercayaan di atas, walaupun tidak semua amalan, ritual-ritual keagamaan terutamanya yang berkaitan dengan rawatan dan pencegahan penyakit dijalankan dengan menggunakan jampi mantera bagi memuja dewa-dewa yang terjelma dalam objek-objek seperti pokok, batu, bukit, pantai yang dipercayai boleh menjadi penghubung dengan dewa serta mempunyai kuasa magis. Jampi mantera yang digunakan dalam rawatan penyakit ketika itu banyak berunsurkan tuhan dengan memasukkan perkataan yang disebut sebagai "Om" yang memberi maksud dewa. Terdapat pelbagai dewa dalam kepercayaan agama Hindu-Buddha yang dipercayai mempunyai kesaktian dan kekuatan ghaib. Ini dapat membuktikan bahawa masyarakat Melayu ketika itu telah mula mempercayai wujudnya tuhan.¹⁰

Perubatan Tradisional Melayu Berteraskan Worldview Islam

Persoalan mendasar dalam proses Islamisasi pandangan semesta bangsa Melayu, seperti yang difahamkan oleh ilmuwan Islam, berkenaan konsep tauhid. Konsep ini menjelaskan bahawa Allah (s.a.w) sahaja Tuhan yang Menjadi, Tuhan yang Disembah dan Yang memiliki Nama-Nama Husna (al-Asma') serta Sifat (al-Sifat) kesempurnaan. Dalam fasa pertama proses Islamisasi kepulauan Melayu sejak abad ke-13 hingga abad ke-14, beberapa konsep fundamental tentang tauhid masih kabur dan difahami secara samar-samar, yang sebahagiannya konsep pandangan hidup kuno Hindu-Buddha. Dalam fasa kedua Islamisasi, yang dapat diamati dari abad ke-15 hingga akhir abad ke-18, konsep dasar yang masih difahami secara kabur itu "dijelaskan dan ditakrifkan sehingga kepercayaan animisme-dinamisme, seperti kepercayaan kepada penunggu tempat tertentu, dapat ditukar kepada kepercayaan Tauhid.¹¹

Kepercayaan berteraskan Tauhid seperti yang di sebutkan di atas telah dibawa ke Alam Melayu dan seterusnya, dalam masa dua abad, berjaya memantapkan hampir keseluruhan pandangan semesta Melayu selepas berlakunya proses pentakrifan semula tentangnya. Kedatangan dan menyebarkan pengaruhnya secara aman sesuai dengan masyarakat tempatan yang penuh dengan sifat toleransi, mempercepatkan lagi proses pentakrifan semula. Dalam tempoh yang relatif singkat agama baru ini telah menjadi pilihan dan berjaya merubah pandangan semesta masyarakat tempatan. Contohnya, takrif istilah "Tuhan", "Sembahyang", "Jampi" telah diislamisasikan selepas istilah "Rabb", "Solat" dan "Rukyah" diasimilasikan dalam kehidupan baharu ini. Mantera yang dibaca dalam upacara bercucuk tanam, menyeru supaya "Datuk Petala Bumi", "Jin Tanah", "Si Jeranjang, "Si Jerunjung" ditukar kepada permohonan kepada "Ya Allah" atau "Bismillahirrahmanirahim". Perkara yang ada dalam pemikiran inilah telah memperluaskan pemikiran masyarakat Melayu sehingga mereka boleh menerima fahaman dari tamadun-tamadun lain yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam dan ia terus berkembang dan diasimilasikan.

Walaupun wujudnya beberapa pertentangan antara ajaran agama Islam dengan pandangan semesta mereka sebelum ini, tetapi mereka tidak mengetepikan atau membuang keseluruhannya pandangan semesta tersebut sebaliknya ia cuba diintegrasikan dan diberi suatu pentakrifan baru agar pandangan semesta mereka ini masih diterima dan dipraktikkan.

Sekali lagi boleh ditegaskan di sini bahawa berlainan dengan proses Islamisasi di Asia Tengah dan negara-negara Teluk, proses Islamisasi, perkembangan tamadun dan asimilasi di Tanah Melayu berlaku dengan lembut lagi harmonis, diterima dengan hati lapang dan jiwa terbuka, tanpa pergolakan, tanpa pertentangan yang boleh menjejaskan keharmonian hidup hingga mencetuskan rasa^L bimbang, rasa takut di kalangan masyarakat. Oleh itu, sisa-sisa unsur agama Hindu dan animisme-dinamisme masih dapat dilihat dalam sistem kepercayaan mereka. Ini jelas apabila didapati pandangan semesta orang Melayu sebahagiannya masih terdiri daripada kepercayaan-kepercayaan purba seperti "semangat", "hantu", "jembalang", "penunggu" atau "pelesit" dan tidak ketinggalan pula kepercayaan-kepercayaan seperti sihir, keramat dan lain-lain yang diterima oleh orang Melayu daripada paduan peradaban Islam¹². Ini bermakna, Islam tidak berjaya menghapuskan semua unsur kepercayaan tradisi Melayu. Tambahan pula perlakuan agama itu sendiri menekankan konsep wujudnya kuasa luar biasa. Oleh itu, hubungan di antara Islam dan kepercayaan warisan Melayu dapat disatukan apabila kedua-dua teras ini berpaksi kepada kepercayaan kuasa luar biasa di mana kepercayaan bahawa Tuhan adalah yang maha Kuasa. Ini menunjukkan bahawa ciri-ciri perubatan Islam itu sendiri dapat diselarikan dengan mana-mana peradaban dan kebudayaan. Ia dapat disesuaikan dengan penggabungan kebudayaan lain tanpa menjejaskan prinsip akarnya iaitu ketauhidan kepada yang Maha Esa, Allah (s.w.t). Ini jelas dalam banyak hadis Nabi (s.a.w) yang menerangkan tentang penyakit dan ubat-ubatan berciri-ciri *religious* dan *Tauhidic*. Ia memperlihatkan bagaimana keseluruhan ilmu pengetahuan dalam Islam merupakan suatu kesatuan yang dipertalikan dengan sumber segala ilmu pengetahuan iaitu Kesatuan dari Allah (s.w.t).¹³

Tambah lagi, penyembahan kepada objek yang dipercayai mempunyai roh telah ditukar selepas proses Islamisasi berjaya memperkenalkan konsep Abdullah, konsep manusia sebagai hamba Tuhan dan konsep khalifah *Allah fi al-Ard*. Ini jelas dapat ditemukan dalam ilmu perbomohan Melayu (perubatan tradisional) dan dalam beberapa upacara adat. Wan Mohd Nor Wan Daud telah membuat satu kesimpulan mengenai keteguhan masyarakat Melayu kepada ajaran Islam dengan berkata:

Saya ingin mengetengahkan sebab utama kenapa umat Islam di Alam Melayu teguh berpegang kepada ajaran Islam walaupun kedatangan Islam ke sini tidak berlaku dengan kekuatan tentera dan ekonomi, dan walaupun kemudiannya umat Islam ditakluk oleh golongan kristian yang kuat dan pintar. Sebabnya tidak lain kerana pandangan alam dan kerangka keilmuan Melayu berteraskan Islam telah berakar dalam akal sanubari Melayu. Proses pengislaman ini berjaya kerana kewibawaan tokoh-tokoh pembawa agama itu, dan keikhlasan para pemimpin dan pembesar memeluk agama baru itu. Islam telah mengangkat martabat manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi, dan martabat seorang mukmin lebih tinggi daripada malaikat! Hakikat penting ini boleh membantu Masyarakat Islam Hadhari mengharungi gelombang besar globalisasi yang dipacu oleh arus sekularisme dan pluralisme yang kuat.¹⁴

Hasil kajian melalui soal selidik: "Saya percaya penyakit yang berpunca dari jin dan syaitan wujud" menunjukkan masyarakat Melayu percaya pada kewujudan hantu atau makhluk halus.¹⁵ Kepercayaan ini telah disesuaikan dengan ajaran Islam. Menurut ajaran Islam, hantu tidak wujud tetapi ia adalah jelmaan daripada jin dan syaitan yang sentiasa ingin menakut-nakutkan dan merosakkan akidah manusia. Seperti dalam surah al-Nas dan al-Falaq, Allah (s.w.t) berfirman dalam al-Quran yang berm^Laksud:

Katakanlah (wahai Muhammad): aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia. Yang menguasai sekalian manusia, Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia, dari kejahatan

pembisik, penghasut yang timbul tenggelam, yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia, (iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia. (Surah an-Naas).

Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk, dari bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan; dan dari bahaya gelap apabila ia masuk; dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan); dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengki. (Surah al-Falaq).

Lantaran daripada kepercayaan wujud makhluk halus, maka tidak hairanlah orang Melayu tradisional mempunyai banyak pantang-larang yang merupakan kepercayaan masyarakat Melayu zaman lampau berkaitan dengan adat dan budaya warisan nenek moyang. Antara contoh pantang-larang yang telah diperturunkan secara lisan sejak zaman berzaman adalah dilarang ketawa pada waktu Maghrib kerana hantu akan datang, tidak boleh kencing berdiri kerana punggung akan dijamah hantu, tidak boleh tidur di muka pintu kerana hantu akan melangkah kita, jangan tidur selepas makan, jika tidak akan ditindih hantu, jangan tidur di atas pokok kerana akan dimakan langsuir, dilarang bermain atau keluar rumah pada waktu senja kerana akan disorok hantu, jangan melaung di tengah hutan kerana akan disahut oleh hantu dan yang terakhir ialah dilarang menegur sesuatu yang aneh atau ganjil jika berada dalam hutan kerana mungkin akan dirasuk atau sesuatu yang malang akan menimpa individu yang menegurnya.¹⁶

Sudah tentu *worldview* Islam telah membawa perubahan yang fundamental dalam kehidupan masyarakat Melayu sehingga berjaya menggabungkan unsur agama dan adat dalam kehidupan masyarakat Melayu. Upacara menduduki rumah baru, melenggang perut dan bercukur misalnya dibuat dengan mengadakan kenduri doa selamat memohon kepada Allah (s.w.t) untuk kesejahteraan juga perlindungan daripada segala bentuk gangguan makhluk-makhluk halus yang jahat. Keadaan ini melambangkan jiwa masyarakat Melayu penuh

dengan sifat berhati-hati, tertib dan penuh etika dalam menjalani kehidupan seharian. Dengan sifat inilah jampi mantera yang diamalkan sebelum kedatangan Islam masih lagi dipegang dengan diberi sedikit perubahan melalui pengadaptasian dengan ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi. Antaranya jampi-jampi ini digunakan untuk pelindung diri, ahli keluarga serta harta benda mereka. Antara lain pengadaptasian ini juga telah mengubah peranan bomoh dahulu yang menyediakan tangkal dan azimat buat pendinding diri dari kecelakaan yang biasa digantung di leher-leher lelaki atau perempuan atau di dinding-dinding rumah, sebaliknya di dinding-dinding rumah dihiasi dengan ayat-ayat suci al-Quran. Walaupun begitu, institusi perbomohan yang kekal sehingga kini dengan pendefinisian semula dalam peranan, cara dan perlakuan perbomohan tersebut. Ini jelas memperlihatkan bahawa pandangan semesta masyarakat Melayu adalah berdasarkan aspek-aspek kepercayaan dan keagamaan.

Sekalipun, agama Islam merupakan agama yang cukup ketat dan cukup tegas unsur tauhidnya sehingga ia tidak dapat menerima sebarang bentuk syirik, namun cara dan pendekatan pendakwaan dalam proses penyebarannya di rantau ini adalah berlangsung penuh toleransi. Upacara penyembahan dan pemujaan yang diwarisi daripada fahaman animisme dan Hindu-Buddha tidak terus dihapuskan tetapi diubahsuai. Maka adat-adat dan persembahan dan jamuan kepada roh-roh diubah kepada kenduri tahlil yang dimakan bersama. Adat membakar kemenyan dan bacaan mantera kepada roh-roh selepas mati diubah kepada upacara tahlil dan doa yang panjang dan sedih.

Dalam konteks perkembangan intelektual, Islam datang ke dunia Melayu bersamaan dengan tradisi intelektual Yahudi, Kristian, dan ide penting falsafah Greek yang telah diambil ke dalam Islam, khususnya trend pemikiran Plato dan neoplatonisme. Dalam fasa ke-3 Islamisasi kepulauan Melayu, yang mana ia adalah lanjutan daripada fasa pertama dan kedua, berjaya menghasilkan transformasi jiwa dan minda Melayu. Ajaran Islam yang dilandaskan kepada ilmu dan perkembangan minda telah membebaskan bangsa Melayu daripada belunggu tahyul, dongeng, mitos dan pelbagai kepercayaan karut. Kedatangan mubaligh-mubaligh Islam dari

Arab, India, China dan rantau Nusantara ini telah menyedarkan masyarakat Melayu tentang kesalahan kepercayaan amalan-amalan yang karut. Gejala isme-isme yang tidak sihat pada waktu itu beransur-ansur hilang kegemilangannya bahkan di sesetengah tempat umpamanya Aceh, isme-isme tersebut telah dibanteras sehingga ke akar umbinya. Inilah hasil dari tarbiah dan didikan mubaligh-mubaligh dan para dai Islam yang alim lagi sufi. Kehadiran mubaligh-mubaligh tersebut seumpama membawa sirna kegemilangan dan kecemerlangan kepada penduduk tempatan.

Selepas Islamisasi berjaya, Islam telah mengubah bentuk kepercayaan dan corak hidup masyarakat Melayu juga pandangan semesta mereka. Kepercayaan kepada dewa dan animisme bertukar kepada kepercayaan Allah (s.w.t) dan RasulNya. Walau bagaimanapun, masih banyak tanda-tanda yang menunjukkan masyarakat Melayu terpengaruh dengan unsur-unsur sebelum kedatangan Islam. Tetapi, ia bukanlah kepercayaan karut yang merosakkan akidah, sebagai contoh, semasa ibu mengandung, bapa dikehendaki supaya tidak melakukan perbuatan yang keji. Dengan berbuat demikian, dipercayai anak yang bakal lahir sedikit sebanyak akan mewarisi perangai buruk yang dilakukan oleh ibu bapanya semasa mengandukannya. Kepercayaan ini tidak bersalahan dengan Islam kerana peranan ibu bapa bermula sejak anak dalam kandungan lagi untuk memberi perlindungan kepada anak-anak dari sebarang gejala negatif. Jelas sekali, Islam telah mempengaruhi pandangan semesta Melayu hatta Islam telah diisytiharkan sebagai agama persekutuan. Pandangan semesta ini boleh difahami dalam peribahasa terkenal dan berpengaruh: "Biar mati anak, jangan mati adat", "Adat bersendikan syarak". Peribahasa ini dapat dilihat melalui pandangan semesta dan amalan orang Melayu. Orang Melayu-Islam menjalankan ibadat sembahyang sebanyak lima kali sehari pada setiap hari. Di samping itu, mereka juga perlu bersembahyang Jumaat sekali dalam seminggu. Selain daripada ibadat sembahyang, mereka juga berpuasa sepanjang bulan Ramadhan, menurut kalendar Islam yang dikenali sebagai kalendar Hijrah. Mereka juga membayar zakat pada waktu-waktu tertentu dan menunaikan haji sekali dalam seumur hidup bagi yang berkemampuan di Mekah, Arab Saudi Arabia. Selaras dengan ini, usaha akan dibuat dalam makalah ini untuk mengenal pasti dan mengetahui pandangan masyarakat Melayu beragama sebagai langkah

terbaik untuk memahami sejarah dan falsafah pemikiran masyarakat Melayu-Islam di Malaysia.¹⁷

Kesimpulan

Jelas daripada perbincangan di atas bahawa transformasi amalan perubatan tradisional Melayu berteraskan konsep perubatan Islam dimulakan dengan islamisasi *worldview*/ pandangan semesta masyarakat Melayu daripada fikiran animisme dan estetika Hindu-Buddha kepada pandangan semesta dan amalan perubatan berteraskan Islam. Ini merupakan agenda bersifat revolusioner kerana pembentukan pandangan semesta baharu perlu kepada perubahan persepsi masyarakat. Didapati, idea daripada al-Quran dan Sunnah adalah sesuatu perubahan radikal daripada fahaman animisme dan Hindu-Buddha kepada Islam. Sebagai contoh, mentransformasikan istilah-istilah perubatan tradisional Melayu dan ayat-ayat yang digunakan semasa jampi iaitu daripada bahasa Sanskrit kepada bahasa Melayu dan Arab amat jelas dalam penulisan ilmuwan tempatan seperti dalam karya-karya Hamzah Fansuri dan tokoh-tokoh lain yang serupa. Nama-nama dan istilah seperti Allah, Ya Rabb, Ya Ilahi, Malaikat Allah, Rasulullah, Muhammad, Jisim, Dhat dan Shifa' di antara istilah baharu diperkenalkan dalam transformasi dan Islamisasi perubatan tradisional Melayu. Perkenalan nama-nama, dan konsep baharu ini dapat menghapuskan kepercayaan warisan yang bersifat animisme dan estetika Hindu-Buddha.

Nota Hujung

- 1 S.M.N. al-Attas, *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ABIM, 1978, cetakan kedua oleh ISTAC, Kuala Lumpur, 1993, ms. 44-45. Suatu perbincangan yang komprehensif terhadap projek pengislaman ilmu-ilmu semasa al-Attas boleh didapati dalam Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*, (Kuala Lumpur: ISTAC, 1998), 291-369. Lihat juga, Nurdeng Deuraseh, "Islam- Technoscientific Identities" dalam *Minerva*, Vol. 45, Number 1, 2007, 97-99; Nurdeng Deuraseh, "The Dialogue of Civilizations in the Birth of Modern Science", dalam *Journal of World History*, Vol. 19, Number 4, 2008: 552-556.
- 2 Lihat Nurdeng Deuraseh, "al-Tibb al-Nabawi (Medicine of the prophet): Towards a New Definition", dalam *International Medical Journal (IMJ)*, Faculty of Medicine, International Islamic University Malaysia, Vol. 3, No.2, December 2004, pp. 1-3.
- 3 Md Salleh Yasar, "The World-View of Peninsular Malaysian Folk-Tales and Folk Drama" dalam *Malaysian World-View*, Mohd. Taib Osman (ed.), (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies Program, 1985), 253-284, 253, 254.
- 4 S.M.N. Al-Attas menjelaskan dalam, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, apa yang dipanggil sebagai *Islamic Worldview* ini tidak tepat dialih bahasa ke dalam bahasa Arab semasa sebagai *Nazrat al-Islam li al-Kawn*. Alasannya, *Islamic Worldview* bukanlah dengan perubahan paradigma. *Islamic Worldview* lebih bermaksud Ru'yat al-Islam li al-Wujud atau pandangan Islam terhadap hakikat dan kebenaran semesta. Ia berlandaskan wahyu dan agama yang diperkukuhkan dengan akal hati dan intuis. Lihat, S.M.N. Al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1995). Lihat juga ulasan buku, Ugi Suharto, *Ulasan Buku Prolegomena to the Metaphysics of Islam*, dalam *al-Hikmah*, Bil. 3/Tahun 3, Julai-September 1997, 45-50.
- 5 Roland Werner, *Transcultural Healing: The Whole Human* (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1993), 279; Amran Kasimin, *Santau dan Kaedah Rawatan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1995), 2-6.
- 6 Mohd. Taib Osman, "Perbomohan: Satu Aspek World-View dalam Kebudayaan Melayu" dalam *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*, Zainal Kling (ed.), (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1977), 1-30.

- 7 Noresah Baharom, ed., *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1722 s.v. "tuha"
- 8 Lebih lanjut, lihat Roland Werner, *Transcultural Healing: The Whole Human* (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1993), bahagian 1 bab 3: Eastern Religions and Beliefs.
- 9 S.M.N Al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), 13.
- 10 Kitab-kitab suci agama Hindu seperti Mahabarata, Bhagavad Sita dan Baratayudha dipelajari bukan dari aspek falsafah dan penghujahan metafizik yang rasional tetapi aspek-aspek perbomohan. Juga unsur-unsur epik, roman, mitos dan sastera keperwiraan amat ditekankan sehinggalah muncullah epik Hikayah Sri Rama (drp. Ramayana); Hikayah Maharaja Rawana (drp. Ramayana); Hikayah Pendawa (drp. Mahabharata)
- 11 Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy*, 261.
- 12 Lebih lanjut, lihat Mat Yusoff Kassim, "Konsep Hantu dalam Masyarakat Melayu Kampung Sungai (Kelantan) dan Cara-Cara Perubatan Tradisional yang Berkaitan dengannya" (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1975).
- 13 Afzalur Rahman, "al-Tibb al-Nabawi" dalam *al-Quran dalam Pelbagai Disiplin Ilmu*, Zaimuddin (ed.) (Jakarta: Lembaga Penelitian Sain-sain Islam, 1988), 329.
- 14 Wan Mohd Nor Wan Daud, *Masyarakat Islam Hadhari* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2006), 112.
- 15 Nurdeng Deuraseh, "Healing Thru' *Ruqyah* (incantation): The Perception of Malay-Muslim Society in Kelantan and Terengganu on *Ruqyah* as an Alternative Way of Healing in Malaysia", dalam *European Journal of Social Sciences*, Vol. 9, No. 3, 2009, 448-456.
- 16 R.J. Wikinson, "Papers on Malay Customs and Beliefs" dalam *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 30 (1957), 1-87.
- 17 Dapatan menunjukkan, pemikiran orang Melayu kontemporari adalah kebanyakannya datang daripada alam pemikiran Islam seluruhnya dan bukan dari Alam Melayu sepenuhnya sehingga Islam merupakan suatu *weltanschauung* yang seragam bagi semua umatnya. Ini bermakna, dasar kebudayaan orang Melayu ialah zat Allah (s.w.t) atau zat Islam, sesiapa yang hendak memahami kebudayaan orang Melayu tanpa lebih dahulu mengenali zat Allah (s.w.t), ia hanya dapat mengenali kulitnya sahaja, kerana daripada zat Allah (s.w.t) lahir segala-galanya, termasuk alam dan manusia. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa hakikatnya pandangan semesta masyarakat Melayu lebih didominasi oleh prinsip dan pemikiran Islam manakala kepercayaan-kepercayaan warisan hanya bertindak sebagai kepercayaan sampingan dalam pandangan semesta mereka. Selain daripada itu, didapati juga kepercayaan

masyarakat Melayu masih terus diwarisi sehingga ke hari ini terutamanya yang membawa manfaat dan faedah kepada kehidupan orang-orang Melayu. Dengan demikian, sekiranya perubahan moden mahu diterapkan sepenuhnya dalam masyarakat tempatan, maka perubahan moden perlu diperkenalkan atau dibiasakan bukan sahaja dengan peralatan baharu dan teknik yang lebih berkesan, tetapi dengan cara pemikiran yang sesuai dengan budaya pemikiran dan pandangan semesta Melayu. Didapati juga, kepercayaan yang berbentuk tahyul dan khurafat semakin tenggelam dengan peredaran masa dan generasi baharu lebih berminat untuk tidak mempertahankan kepercayaan yang dianggap membawa kemunduran kepada kehidupan masyarakat.